

Najib *Ultimate Boss* - Mohd. Nazlan

UM - 30/7/2020 m/s: 4

KUALA LUMPUR: Hakim Mahkamah Tinggi, Mohd. Nazlan Mohd. Ghazali menyifatkan bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak sebagai *Ultimate Boss*.

Ini kerana Ahli Parlimen Pekan itu berada pada kedudukan yang sangat tinggi berbanding mereka yang menerima 'permintaannya'.

"Tertuduh mengetuai kerajaan dan mempunyai kepentingan peribadi dalam SRC International yang dikawalinya. Kelulusan Kabinet menguntungkan SRC International yang dikawal oleh tertuduh. Perlu ditekankan bahawa tertuduh mempunyai kepentingan dalam SRC International.

"Beliau terlibat dalam mesyuarat Kabinet, satu kedudukan yang membolehkan beliau mempunyai akses kepada lebih banyak dana syarikat itu. Keuntungan yang diperoleh tertuduh ialah beliau layak untuk memu-

tuskan dan bila dana tersebut perlu disalurkan bagi kegunaannya," kata Hakim Mohd. Nazlan Mohd. Ghazali.

Itu antara alasan penghakiman beliau yang dibaca selama dua jam 33 minit kelmarin, sebelum mensabitkan Najib atas tujuh pertuduhan membabitkan pecah amanah, salah guna kedudukan dan pengubahan wang haram dana syarikat itu berjumlah RM42 juta.

Hakim Mohd. Ghazali dalam penghakimannya berkata, Najib menggunakan syarikat pelaburan strategik negara, SRC International Sdn. Bhd. sebagai 'kenderaan' bagi faedah peribadi dan meningkatkan kuasa serta kawalan terhadap syarikat itu.

Fakta tersebut katanya, tidak pernah dinafikan oleh pasukan pembelaan diketuai peguam bela, Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah.

"Walaupun tertuduh tidak

terlibat dalam penubuhan syarikat itu, perkara paling penting ialah kelulusan bagi penubuhan itu oleh tertuduh (Najib) membuka jalan kepada penglibatan tertuduh dalam SRC International," kata Hakim Mohd. Nazlan.

Hakim Mohd. Nazlan menambah, penglibatan tertuduh dalam mesyuarat Kabinet yang meluluskan jaminan kerajaan juga menyebabkan Ahli Parlimen Pekan itu berada dalam kedudukan yang memudahkannya mengakses dana syarikat itu pada bila-bila masa yang dikehendaki dan diperlukan, termasuk RM42 juta yang mengalir masuk ke dalam akaunnya antara 2014 hingga 2015.

Tambahnya, tiada mana-mana pihak menafikan proses kelulusan antara Kumpulan Wang Persaraan (KWAP), Kementerian Kewangan dan Kabinet dijalankan dalam keadaan tergesa-gesa.

Selain itu, tiada bukti menun-

jukkan Najib mengambil berat bagaimana dana yang dipinjamkan oleh KWAP kepada SRC International digunakan atau sama ada penggunaan wang tersebut memenuhi objektif walaupun dana itu merupakan wang pencen.

"Sikap tertuduh yang tidak mengambil tindakan sewajarnya untuk mendapatkan semua dana yang telah dibekukan oleh pihak berkuasa Swiss adalah satu perkara yang pelik, sebaliknya tindakannya lebih kepada seorang yang tidak mahu masalah tersebut diselesaikan," katanya.

Najib juga tidak mengambil sebarang langkah untuk memulangkan wang RM42 juta kepada SRC International atau mengambil langkah untuk membersihkan namanya. Sebaliknya tertuduh mengekalkan keterangannya tidak memulangkan wang tersebut kerana siasatan sedang dijalankan.